

3755/1

Perdagangan
Kertas 1
Ogos
2011
1 ¼ jam

PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK SPM TAHUN 2011

PERDAGANGAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.
 2. Jawab **semua** soalan.
 3. Jawab dengan menghitamkan ruangan yang betul pada kertas jawapan.
 4. Hitamkan **satu** ruangan sahaja bagi setiap soalan.
 5. Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.
 6. Anda boleh membuat kerja mengira di ruangan kosong pada kertas soalan.
 7. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang **tidak** boleh diprogramkan.
-

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak

Lihat sebelah
SULIT
2011 PSPM Kedah

- 1 Gambar 1 menunjukkan beberapa jenis barang.




Gambar 1

Barang-barang di atas berkaitan dengan

- A kehendak manusia
- B kehendak asas manusia
- C keperluan asas manusia
- D keperluan lain manusia

- 2 Rajah 1 menunjukkan hierarki keperluan Maslow.



Rajah 1

Apakah X?

- A keperluan asas
- B keperluan keselamatan
- C keperluan kasih sayang
- D keperluan penghargaan

Soalan 3 dan 4 berdasarkan jadual di bawah.

Usahawan	Aktiviti
Aiman	Mengusahakan bengkel servis tayar
Ah Seng	Mengusahakan kilang memproses makanan ringan
Muthu	Mengusahakan ladang kelapa dan ladang koko
Chandran	Mengusahakan klinik pakar jantung

3 Siapakah usahawan yang terlibat dalam kegiatan khidmat langsung?

- A Ah Seng
- B Aiman
- C Muthu
- D Chandran

4 Siapakah antara usahawan yang terlibat dalam cabang perusahaan?

- A Ah Seng dan Aiman
- B Ah Seng dan Muthu
- C Aiman dan Muthu
- D Aiman dan Chandran

5 Pernyataan manakah yang menerangkan maksud perdagangan?

- A Membeli dan menjual barang serta perkhidmatan untuk mendapatkan keuntungan
- B Mengagihkan barang dan perkhidmatan daripada pengeluar asal kepada pengguna akhir
- C Menghasilkan barang dan perkhidmatan untuk memenuhi keperluan manusia
- D Menstabilkan harga barang dan perkhidmatan di pasaran

[Lihat sebelah

SULIT


6 Maklumat berikut berkaitan dengan bantuan perniagaan.

Bantuan Perniagaan	Fungsi
X	Penyimpanan wang
Y	Menghubungi pelanggan

Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Promosi	Perbankan
B	Perbankan	Komunikasi
C	Komunikasi	Promosi
D	Perbankan	Pengangkutan

7 Rajah berikut berkaitan dengan saluran agihan.



Apakah faktor pemilihan saluran di atas?

- I Kos barang
 - II Jenis barang
 - III Kos pengangkutan
 - IV Kemampuan pembeli
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

8 Maklumat berikut berkaitan aktiviti seorang peruncit.

- Peruncit memilih dan mengambil barang secara layan diri
- Peruncit membayar dengan kad kredit
- Peruncit memuatkan barang yang dibeli ke dalam lorinya

Dari siapakah peruncit membeli barang tersebut?

- A Pemborong perkhidmatan pengangkutan
- B Pemborong pesanan berwakil
- C Pemborong bayar dan bawa
- D Pemborong am

- 9 Apakah kelebihan mesin peruncitan automatik?
- A Harga mesin berpatutan
B Ruang muatan agar besar
C Boleh beroperasi 24 jam tanpa pengawasan
D Sesuai untuk semua jenis barang
- 10 Mengapakah perniagaan jualan langsung semakin digemari oleh pengguna pada hari ini?
- A Membeli secara selesa dari rumah
B Menikmati harga barang yang rendah
C Memudahkan pelbagai jenis barang dibeli
D Mengamalkan khidmat layan diri
- 11 Maklumat berikut berkaitan dengan kaedah jualan kredit.

- Barang menjadi hak milik pembeli sebaik sahaja wang pendahuluan dibayar
- Penjual tidak berhak menarik balik barang jika pembeli gagal menjelaskan bayaran ansuran

- Apakah jenis jualan kredit tersebut?
- A Sewa beli
B Jualan prabayar
C Jualan konsainan
D Bayaran tertunda
- 12 Maklumat berikut berkaitan dengan seorang pengguna di Malaysia.

Puan Nabila memandu kereta Honda City buatan Jepun dan anaknya memandu kereta Myvi buatan Malaysia

- Apakah kepentingan perniagaan antarabangsa kepada Puan Nabila?
- A Meningkatkan taraf hidupnya
B Mendapat pelbagai pilihan barang
C Menikmati harga yang lebih murah
D Menambahkan pengetahuan dan pengalaman

[Lihat sebelah

SULIT

13 Situasi berikut berkaitan dengan perniagaan antarabangsa.

Encik Asyraf membawa keluarganya bercuti di Medan, Indonesia selama lima hari.

Apakah aktiviti tersebut kepada negara Malaysia?

- A Import nyata
- B Eksport nyata
- C Import tak nyata
- D Eksport tak nyata

14 Apakah dokumen yang dikeluarkan oleh syarikat perkapalan sebagai pengakuan menerima barang atas kapal?

- A Bil udara
- B Bil muatan
- C Janji carter
- D Resit nakhoda

15 Pengimport yang tidak menuntut barang di pelabuhan menimbulkan masalah kewangan kepada pengekspor.

Bagaimakah pengekspor mengatasi masalah ini?

- A Membenarkan pindahan kredit
- B Mengeluarkan bil perintah bayar
- C Menggunakan kredit berdokumen
- D Menghantar surat cagaran kepada bank pengimport

16 Pernyataan manakah yang menunjukkan sumbangan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) memperkuuh struktur asas industri negara?

- A Penggunaan buruh yang ramai
- B Menggembangkan modal
- C Meningkatkan kemahiran pekerja
- D Membekal input untuk industri tempatan

17 Maklumat berikut berkaitan ciri-ciri sejenis pemilikan perniagaan.

- Bebas mengurus perniagaan sendiri
- Untung rugi ditanggung sendiri oleh pemilik
- Menanggung liabiliti tidak terhad

Apakah jenis pemilikan perniagaan tersebut?

- A Francais
- B Perkongsian
- C Milikan tunggal
- D Syarikat sendirian berhad

18 Maklumat berikut berkaitan dengan pembayaran dividen sebuah syarikat.

Syarikat Amenita Sendirian Berhad mempunyai modal sebanyak 600 000 syer bernilai RM1 sesyer. Bagi tahun 2010, syarikat itu membayar dividen interim 5% dan dividen akhir 10%.

Berapakah jumlah dividen dibayar bagi tahun itu?

- A RM30 000
- B RM60 000
- C RM90 000
- D RM120 000

19 Pernyataan berikut adalah mengenai pelaburan.

Encik Hafiz membeli dan menjual syer berdasarkan sentimen dan khabar angin.

Siapakah Encik Hafiz?

- A Broker
- B Pelabur
- C Remisier
- D Spekulator

[Lihat sebelah
SULIT

- 20 Encik Kamal membeli sebuah kedai bernilai RM250 000. Kedai tersebut kemudiannya disewakan kepada Encik Zulkifli dengan sewa bulanan sebanyak RM500 selama 2 tahun. Beliau telah menjual kedai tersebut apabila mendapat tawaran tinggi dengan nilai RM350 000.

Berapakah pulangan pelaburan yang Encik Kamal peroleh?

- A RM12 000
- B RM100 000
- C RM112 000
- D RM350 000

- 21 Apakah unsur yang diharamkan dalam sistem perbankan Islam?

- I Riba
- II Maisir
- III Untung
- IV Tabarruk
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 22 Pasar Raya ZAR Sendirian Berhad mempunyai seratus orang pekerja.

Apakah perkhidmatan bank yang memudahkan pembayaran gaji pekerja tersebut setiap bulan?

- A Perintah sedia ada
- B Pindahan kredit
- C Debit langsung
- D Cek bank

- 23 Pemborong beras telah menjual beras kepada dua ratus peruncit secara kredit dan telah mengalami masalah aliran tunai.

Institusi kewangan yang manakah boleh membantu menyelesaikan masalah tersebut?


- A Syarikat Jaminan Kredit Malaysia
- B Syarikat Pemfaktoran
- C Syarikat Kewangan
- D Syarikat Pajakan

- 24 Mengapakah polisi insurans motor pihak ketiga penting kepada pemilik kereta?
- A Melindungi pihak ketiga
 - B Melindungi kereta sendiri
 - C Mengelakkan pihak ketiga menuntut ganti rugi
 - D Melindungi diri daripada tuntutan pihak ketiga
- 25 Apakah jenis insurans yang sesuai dibeli oleh peniaga untuk melindungi diri daripada kerugian akibat ketidakjujuran pekerjanya?
- A Insurans jaminan setia
 - B Insurans liabiliti am
 - C Insurans kecurian
 - D Insurans gadaian
- 26 Mengapakah pengangkutan jalan raya digunakan secara meluas oleh peniaga?
- I Mudah diperoleh
 - II Serahan pintu ke pintu
 - III Cepat untuk jarak jauh
 - IV Ruang muatan yang luas
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

[Lihat sebelah

SULIT

27 Gambar 2 menunjukkan sejenis pengangkutan.



Gambar 2

Jenis pengangkutan ini sesuai untuk membawa

- A barang pukal
- B barang bernilai
- C barang mudah pecah
- D barang kecil dan ringan

28 Maklumat berikut berkaitan dengan satu perkhidmatan pos.

- Mengagih dokumen berkuantiti besar
- Menghantar bil, sijil dalam tempoh yang singkat
- Perkhidmatan profesional dalam bentuk pakej

Apakah nama perkhidmatan tersebut?

- A Datapos
- B EMS Poslaju
- C Pos ekspres
- D Mel berinsurans

- 29 Maklumat berikut berkaitan seorang peruncit yang memerlukan perkhidmatan pos.

Encik Ah Lim seorang peruncit kecil-kecilan di Alor Star. Beliau memilih menghantar dokumen perniagaannya ke Sungai Petani menggunakan surat.

Apakah faktor utama yang mempengaruhi pemilihan jenis perkhidmatan tersebut?

- A Kos
- B Jarak
- C Kesegeraan
- D Jenis maklumat

- 30 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan gudang.

Membantu menstabilkan harga barang

Bagaimanakah peranan di atas boleh dicapai?

- A Mengawal aktiviti perniagaan antarabangsa
- B Mengimbangkan penawaran dan permintaan
- C Menambahkan penawaran
- D Mengurangkan permintaan

- 31 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis gudang.

Gudang	Fungsi
LKIM	Menyimpan hasil tangkapan
BERNAS	Mengadakan stok penimbang beras

Apakah jenis gudang tersebut?

- A Gudang pemborong
- B Gudang pengilang
- C Gudang peruncit
- D Gudang kerajaan

- 32 Apakah tujuan utama pengeluar mengadakan promosi untuk produk barunya?

- A Memantapkan produk
- B Memperkenalkan produk
- C Bersaing dengan jenama lain
- D Mengekalkan pasaran sedia ada

[Lihat sebelah

SULIT

33 Gambar 3 menunjukkan sejenis promosi oleh peniaga.



Gambar 3

Apakah jenis promosi tersebut?

- A Promosi jualan
 - B Pengiklanan
 - C Jualan terus
 - D Publisiti
- 34 Apakah ciri-ciri jualan terus?
- I Penjual mengunjungi rumah ke rumah
 - II Pembeli diberi insentif
 - III Dikendalikan untuk satu tempoh yang tertentu
 - IV Pembeli boleh memeriksa produk sebelum membeli
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV
- 35 Pilih pernyataan yang **benar** tentang agensi dan peranannya.

	Agensi kerajaan	Peranan
A	Lembaga Minyak Kelapa Sawit Malaysia (MPOB)	Latihan dan pengurusan
B	Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC)	Pelepasan cukai
C	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN)	Promosi dan pemasaran
D	Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC)	Pembiayaan

- 36 Apakah bentuk pelepasan cukai yang diberikan ke atas perbelanjaan untuk mendapatkan sijil halal?
- A Elaun pelaburan semula
 - B Elaun cukai pelaburan
 - C Pengecualian cukai
 - D Potongan cukai
- 37 Apakah akta yang melindungi pengguna jika berlaku mungkir janji dalam perjanjian jual beli?
- A Akta Kontrak 1974
 - B Akta Kawalan Harga 1946
 - C Akta Perihal Dagangan 1972
 - D Akta Timbang dan Sukat 1972

Soalan 38 dan Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan dalam jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 38 I Resit ialah dokumen yang digunakan sebelum urus niaga barang.
II Nota serahan ialah dokumen yang digunakan selepas urus niaga barang.
- 39 I Nilai jualan tahunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) tidak melebihi RM25 juta.
II Teknologi pengeluaran Industri Kecil dan Sederhana (IKS) lebih kepada intensif modal.
- 40 I Etika penjual mempunyai tanggungjawab terhadap pekerja, pelanggan dan pembekal.
II Etika penjual mempunyai tanggungjawab terhadap pemodal, kerajaan dan masyarakat.

KERTAS SOALAN TAMAT

[Lihat sebelah

SULIT

**PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK SPM
TAHUN 2011**

PERATURAN PEMARKAHAN

PERDAGANGAN KERTAS 1

(3755/1)

No.	Jawapan	Buku Teks T4 (m.s.)	No.	Jawapan	Buku Teks T5 (m.s.)
1	C	2	21	A	3
2	C	5	22	B	19
3	D	8	23	B	39
4	B	8	24	D	56
5	B	27	25	A	64
6	B	29,31	26	A	83
7	C	43	27	A	90
8	C	72	28	A	125
9	C	56	29	A	138
10	A	59	30	B	144
11	D	93	31	D	149
12	B	107	32	B	157
13	C	111	33	A	163
14	B	123	34	D	164
15	D	127	35	D	200
16	D	140	36	D	197
17	C	167	37	A	214
18	C	214	38	D	85,89
19	D	207	39	A	134,136
20	C	210	40	C	218-219

- A **10**
B **09**
C **10**
D **11**

3755/2
Perdagangan
Kertas 2
Ogos 2011
2 jam

PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK SPM TAHUN 2011

PERDAGANGAN

KERTAS 2

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian. Bahagian A dan Bahagian B .*
2. *Jawab tiga soalan daripada Bahagian A dan satu soalan wajib di Bahagian B.*
3. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 80 minit untuk menjawab soalan dalam Bahagian A dan 40 minit untuk menjawab soalan Bahagian B.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik .*
7. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

Bahagian A

[75 markah]

Jawab **tiga** soalan sahaja


- 1 (a) Apakah maksud kehendak manusia? [3 markah]

- (b) Maklumat berikut adalah berkaitan perniagaan Encik Muhammad.

Tahun	Penerangan
2000	Memulakan perniagaan menjual sayur dan ikan dengan menggunakan motosikal.
2005	Membuka sebuah kedai runcit di taman perumahan baru dan mempunyai 3 orang pekerja
2010	Memiliki 6 cawangan kedai runcit dan menjadi pembekal sayur dan ikan kepada beberapa buah restoran. Terdapat 20 orang pekerja bagi membantu menguruskan perniagaan beliau.

- (i) Jelaskan **tiga** sifat usahawan yang dimiliki oleh Encik Muhammad. [3 markah]
- (ii) Terangkan **dua** peranan Encik Muhammad kepada masyarakat. [4 markah]

- (c) Gambar 1 di bawah menunjukkan **dua** jenis pengeluaran.



Pengeluaran X

Pengeluaran Y

Gambar 1

- (i) Nyatakan jenis pengeluaran X dan Y. [2 markah]
- (ii) Berikan **dua** perbezaan antara kedua-dua jenis pengeluaran di 1 (c)(i) [4 markah]

- (d) Nyatakan **tiga** kelebihan pengkhususan dalam pengeluaran. [3 markah]
- (e) Puan Salbiah seorang usahawan mengeluarkan kopi jenama Bahagia. Kilangnya terletak di kawasan Perindustrian Ria Jaya, Sungai Petani, Kedah. [6 markah]
- Bagaimakah promosi dan insurans membantu perniagaan Puan Salbiah?

2 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan runcit.

- Lokasinya di sebuah bangunan setingkat yang mempunyai ruang lantai yang luas
- Disasarkan kepada pelanggan mingguan yang berkenderaan
- Troli besar disediakan

- (i) Apakah jenis perniagaan runcit tersebut? [1 markah]
- (ii) Jelaskan kelebihan perniagaan di 2 (a)(i). [5 markah]
- (b) Gambar 2 menunjukkan sejenis produk yang melibatkan kaedah jualan tertentu.



Gambar 2

- (i) Nyatakan kaedah jualan tersebut. [1 markah]
- (ii) Jelaskan **tiga** kelebihan kaedah jualan di 2 (b)(i) kepada penjual. [3 markah]

Untuk kelaman sebelah

(c) Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pemberong berfungsi penuh.

- Membekal pelbagai jenis barang
- Menyediakan pengangkutan
- Menyediakan kemudahan kredit

(i) Nyatakan jenis pemberong tersebut. [1 markah]

(ii) Bagaimanakah fungsi di 2 (c)(i) boleh diambil alih oleh pihak lain? [4 markah]

(d) Kesilapan dalam invois boleh diperbetulkan melalui dokumen tertentu.

(i) Tentukan **dua** jenis dokumen tersebut. [2 markah]

(ii) Berikan **dua** perbezaan antara dokumen-dokumen di 2 (d)(i) [4 markah]

(e) Gambar 3 menunjukkan sejenis keluaran untuk dipasarkan ke seluruh negara.



Gambar 3

(i) Tentukan jenis saluran agihan yang diamalkan oleh pengeluar di atas. [1 markah]



(ii) Mengapakah pengeluar di 2 (e)(i) memilih saluran agihan tersebut? [3 markah]

- 3 (a) Dialog berikut adalah antara seorang pengeluar dan seorang pengguna di Malaysia.

Encik Zakaria : Syarikat saya menjalankan perniagaan dengan Syarikat Fernlex Berhad di Australia.
Encik Lee : Sudah tentu banyak faedah yang diperoleh daripada perniagaan tersebut.
Encik Zakaria : Ya, bukan saya sahaja, awak sebagai pengguna juga mendapat faedahnya.

Jelaskan kepentingan perniagaan tersebut kepada:

- (i) Encik Zakaria [3 markah]
(ii) Encik Lee [3 markah]
- (b) Encik Khalid, pengeluar susu kambing segar di Gurun, Kedah ingin memasarkan susu kambingnya ke Britain.
(i) Jelaskan prosedur eksport yang perlu Encik Khalid patuhi bagi memastikan produknya dapat dipasarkan di sana. [5 markah]
(ii) Nyatakan **empat** halangan yang Encik Khalid akan hadapi semasa mengeksport. [4 markah]
- (c) Gambar 4 berkaitan dengan kegiatan Industri Kecil dan Sederhana (IKS).



Gambar 4

- (i) Terangkan jenis kegiatan X dan Y. [4 markah]
(ii) Terangkan **tiga** masalah yang dihadapi jenis IKS di 3 (c)(i). [6 markah]

Lihat halaman sebelah

- 4 (a) Nyatakan prosedur yang perlu diambil oleh insured untuk membuat tuntutan ganti rugi.

[6 markah]

- (b) Gambar 5 menunjukkan sejenis pengangkutan darat.



Gambar 5

Terangkan **tiga** kelebihan pengangkutan tersebut.

[6 markah]

- (c) Bagaimanakah alat komunikasi berikut membantu pihak bank menjalankan perniagaannya?

(i) Frangki

[3 markah]

(ii) Internet

[3 markah]

- (d) Apakah kelebihan menggunakan posdaftar?

[3 markah]

- (e) Gambar 6 menunjukkan sejenis perkhidmatan yang disediakan oleh Pos Malaysia Berhad.



Gambar 6

Jelaskan **empat** kelebihan perkhidmatan tersebut kepada peniaga.


[4 markah]

- 5 (a) (i) Apakah maksud pergudangan? [3 markah]
- (ii) Ruang yang luas dan peralatan yang lengkap sangat penting untuk sebuah gudang.
Terangkan **tiga** lagi ciri gudang yang baik. [6 markah]
- (b) Gambar 7 berikut berkaitan sejenis pengiklanan.



Gambar 7

- (i) Apakah jenis pengiklanan tersebut? [1 markah]
- (ii) Jelaskan **empat** tujuan pengiklanan di 5 (b)(i) [4 markah]
- (c) Gambar 8 berkaitan sejenis media pengiklanan.



Gambar 8

- Jelaskan **lima** kebaikan penggunaan media di atas. [5 markah]
- (d) Gambar 9 berkaitan dengan sebuah agensi kerajaan di Malaysia.



Gambar 9

- (i) Apakah nama agensi kerajaan tersebut? [1 markah]
- (ii) Jelaskan **lima** peranan agensi di 5 (d)(i). [5 markah]

Hibah kerajaan sebelah

Bahagian B

[25 markah]

Soalan ini **wajib** dijawab.

- 6 Guru-guru di negeri Kedah telah menubuhkan sejenis milikan perniagaan pada tahun 1997. Setiap ahli dikehendaki membayar yuran keahlian sebanyak RM50 dan saham sekurang-kurangnya RM50 setiap bulan. Dalam tempoh 10 tahun, perniagaan tersebut mempunyai modal terkumpul sebanyak RM500 000. Dalam mesyuarat agung tahunan 2007, semua ahli bersetuju membeli sebidang tanah di Seri Gedung, Sungai Petani, Kedah untuk projek perumahan. Sebanyak 200 buah rumah akan dibina untuk dijual kepada ahli koperasi dengan harga yang berpatutan dan 10 buah kedai akan dibina untuk disewa kepada peniaga yang berminat.

Projek perumahan ini memerlukan modal yang besar iaitu RM4 juta. Pihak pengurusan telah berbincang dengan Bank Maju Berhad, Sungai Petani, Kedah untuk membiayai projek tersebut. Pengurus projek perumahan dikehendaki menyediakan kertas kerja, penyata bank dan beberapa dokumen lain untuk permohonan tersebut. Projek perumahan ini telah dapat disiapkan dalam tempoh dua tahun dengan reka bentuk, lokasi, dan keluasan yang memuaskan. Taman permainan kanak-kanak, laluan riadah, dewan, surau dan lanskap yang menarik juga telah disediakan.

Walau bagaimana pun setelah mendiami perumahan tersebut, pemilik rumah kurang selesa dengan bau busuk daripada tangki kumbahan najis yang tidak diuruskan dengan sempurna dan jalan raya yang cepat rosak. Pemilik rumah membuat aduan kepada pengurus projek perumahan dan mereka telah berjanji untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Berdasarkan situasi tersebut, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) (i) Apakah jenis milikan perniagaan di atas? [1 markah]
- (ii) Jelaskan kelebihan milikan perniagaan di 6 (a)(i). [3 markah]
- (b) (i) Huraikan jenis pelaburan yang dilakukan oleh milikan perniagaan di atas. [3 markah]
- (ii) Terangkan **dua** bentuk pulangan yang akan diperoleh melalui pelaburan di 6 (b)(i). [4 markah]
- (c) (i) Terangkan bentuk pembiayaan yang disediakan oleh Bank Maju Berhad kepada milikan perniagaan tersebut. [2 markah]
- (ii) Terangkan syarat untuk meluluskan pembiayaan tersebut. [6 markah]
- (d) Terangkan tanggungjawab pemilik projek perumahan kepada pembeli rumah tersebut. [6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK SPM TAHUN 2011

PERDAGANGAN

KERTAS 2

PERATURAN PEMARKAHAN

Soalan	Butiran	Markah
1 (a)	H1 - Sesuatu yang diingini untuk hidup lebih selesa/mewah/tidak perlu untuk hidup H2 - Menunjukkan kemewahan/ kepuasan / lambang status H3 - Kehendak manusia banyak pilihan/ tiada batasan/sukar dipenuhi H4 - Berbeza mengikut individu/ pendapatan H5 - Contoh: pakaian berjenama/kereta mewah/dll	1 1 1 1 1
		Maks 3m
1 (b) (i)	- Sifat usahawan Encik Muhammad ialah H1 - Berpandangan jauh H2 - Bijak merebut peluang H3 - Berani menghadapi risiko H4 - Kebolehan menjaya sesuatu/ tidak mudah putus asa/ rajin/ gigih/ tekun H5 - Kebolehan mengurus / cekap H6 - Berkeyakinan diri	1 1 1 1 1 1
		Maks 3m
(ii)	F1 Peranan Encik Muhammad kepada masyarakat - Mewujudkan peluang pekerjaan H1 - Mengurangkan kadar pengangguran/ 3 orang pekerja kepada 20 orang pekerja F2 - Memenuhi keperluan/ kehendak masyarakat H2 - Membekalkan keperluan asas/ sayur/ ikan F3 - Meningkatkan taraf hidup H3 - Pekerja menerima gaji/ bonus/ ganjaran/ meningkatkan kuasa beli masyarakat	1 1 1 1 1 1
	Mana-mana 2F+2H	Maks 4m

Soalan	Butiran				Markah																				
(c) (i)	X - Pengeluaran langsung Y - Pengeluaran tidak langsung				1 1m 1 1m																				
(c) (ii)	<table border="1"> <thead> <tr> <th>X</th> <th></th> <th></th> <th>Y</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>B1 - Zaman silam</td> <td>B1</td> <td>-</td> <td>Zaman sekarang</td> </tr> <tr> <td>B2 - Pengeluaran kecil-kecilan</td> <td>B2</td> <td>-</td> <td>Pengeluaran besar-besaran/lebih cekap</td> </tr> <tr> <td>B3 - Pengeluaran untuk keperluan sendiri/tanpa bantuan pihak lain</td> <td>B3</td> <td>-</td> <td>Menghasilkan lebihan/memuahu keperluan orang lain/ bantuan pihak lain</td> </tr> <tr> <td>B4 - Tanpa pengkhususan/tiada pembahagian kerja</td> <td>B4</td> <td>-</td> <td>Wujudnya pengkhususan/pembahagian kerja</td> </tr> </tbody> </table>				X			Y	B1 - Zaman silam	B1	-	Zaman sekarang	B2 - Pengeluaran kecil-kecilan	B2	-	Pengeluaran besar-besaran/lebih cekap	B3 - Pengeluaran untuk keperluan sendiri/tanpa bantuan pihak lain	B3	-	Menghasilkan lebihan/memuahu keperluan orang lain/ bantuan pihak lain	B4 - Tanpa pengkhususan/tiada pembahagian kerja	B4	-	Wujudnya pengkhususan/pembahagian kerja	1+1 1+1 1+1 1+1
X			Y																						
B1 - Zaman silam	B1	-	Zaman sekarang																						
B2 - Pengeluaran kecil-kecilan	B2	-	Pengeluaran besar-besaran/lebih cekap																						
B3 - Pengeluaran untuk keperluan sendiri/tanpa bantuan pihak lain	B3	-	Menghasilkan lebihan/memuahu keperluan orang lain/ bantuan pihak lain																						
B4 - Tanpa pengkhususan/tiada pembahagian kerja	B4	-	Wujudnya pengkhususan/pembahagian kerja																						
					Maks 4m																				
(d)	F1 - Meningkatkan kemahiran/kecekapan F2 - Meningkatkan pengeluaran/produktiviti F3 - Menjimatkan masa/ kos F4 - Membolehkan penggunaan mesin				1 1 1 1 1 3 m																				
(e)	H1 - Cara promosi membantu Puan Salbiah H2 - Memberitahu/memperkenal H3 - Memujuk/mempengaruhi H4 - Meluaskan pasaran H5 - Meningkatkan permintaan H6 - Menambah jualan/ keuntungan H7 - Meningkatkan imej				1 1 1 1 1 1 3 m																				

Soalan	Butiran	Markah
1 (e)	<p>Cara insurans membantu Puan Salbiah</p> <p>H1 - Melindungi daripada risiko</p> <p>H2 - Contoh risiko kecurian/ kebakaran/ kemalangan</p> <p>H3 - Menerima pampasan/ ganti rugi</p> <p>H4 - Memulihkan perniagaan seperti sedia kala</p> <p>H5 - Boleh menumpukan perhatian kepada perniagaan/ tidak bimbang/ yakin</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>
		Maks
2 (a) (i)	Pasar raya besar	1
		1m
	(ii)	
	<p>H1 - Barang dijual pada harga yang rendah/ peniaga mendapat diskaun niaga yang tinggi</p> <p>H2 - Menjimatkan masa / kos /membeli semua barang di bawah satu bumbung</p> <p>H3 - Mempunyai perolehan yang besar / kadar pusing ganti stok / aliran tunai yang tinggi</p> <p>H4 - Banyak kemudahan untuk keselesaan pelanggan / restoran / telefon / mesin ATM / kawasan letak kereta</p> <p>H5 - Terletak di pinggir bandar</p> <p>H6 - Bebas memilih jenis / jenama barang / layan diri</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>
		Maks
		5m
(b) (i)	Jualan Prabayar	1
		1m
	(ii)	
	<p>H1 - Dapat meluaskan pasaran/ menambahkan jualan dengan mengutip bayaran terdahulu</p> <p>H2 - pasaran terjamin / kaedah yang berkesan untuk menghadapi persaingan</p> <p>H3 - Meningkatkan prestasi aliran tunai / tunai dikutip terlebih dahulu</p> <p>H4 - Tiada masalah hutang lopuk</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>
		Maks
		3 m

Soalan		Butiran		Markah
(c)	(i)	Pemborong am		1 1m
	(ii)	H1 - Kemunculan peruncit besar-besaran/ mempunyai modal yang besar / perolehan yang tinggi H2 - Kemunculan perniagaan jualan langsung / contoh lain / barang dijual tanpa melalui orang tengah / menjual terus kepada pengguna H3 - Penubuhan kedai sejaras / rangkaian kedai oleh pengeluar H4 - Tempahan khas / contoh H5 - Pelantikan ejen oleh pengeluar / contoh H6 - Peranan kerajaan / penubuhan lembaga pemasaran/ contoh		1 1 1 1 1 1 Maks 4m
	(i)	- Nota debit - Nota kredit		1 1 Jumlah 2m
	(ii)	Nota Debit B1 - Memberitahu pembeli satu catatan debit telah dilakukan dalam akaun / pembeli terkurang caj B2 - Menambahkan hutang pembeli kepada penjual B3 - Contoh nota debit dikeluarkan		1+1 1+1 1+1 Maks 4 m
		B1 - Memberitahu pembeli satu catatan kredit telah dilakukan dalam akaun / pembeli terlebih caj B2 - Mengurangkan hutang pembeli kepada penjual B3 - Contoh nota kredit dikeluarkan		
(e)	(i)	Pengeluar → ejen → peruncit → pengguna		1 1m
	(ii)	H1 - Jenis barang barang teknikal / barang tahan lama H2 - Liputan pasaran besar / seluruh negara / nasional H3 - Keupayaan pengeluar / menumpu pada aktiviti pengeluaran H4 - Tunjuk cara penggunaan barang / khidmat lepas jualan		1 1 1 1 Maks 3m

Soalan	Butiran	Markah
3 (a) (i)	F1 - Menjimatkan kos / tingkat kualiti barang F2 - Meluaskan pasaran F3 - Pengeluaran berskala besar F4 - Jamin bekalan sumber berterusan F5 - Pertukaran pengetahuan/ teknologi	1 1 1 1 1
		Maks 3m
3 (a) (ii)	F1 - Meluaskan pilihan pengguna F2 - Barang lebih banyak / murah / bermutu F3 - Peluang pekerjaan F4 - Meningkatkan taraf hidup F5 - Menambahkan pengetahuan / pengalaman	1 1 1 1 1
		Maks 3m
3 (b) (i)	H1 - Mencari pasaran / penyelidikan pasaran H2 - Terima inden / menguruskan pembungkusan H3 - Menempah ruang di dalam kapal / menyewa ruang kapal H4 - Menghantar barang ke pelabuhan H5 - Menguruskan prosedur kastam / mengisi borang ikrar kastam H6 - Menyediakan dokumen diperlukan / polisi insurans/ bil muatan / Invois konsular / sijil asal usul H7 - Memuatkan barang ke dalam kapal H8 - Menuntut bayaran daripada pengimport / menyedia bil perintah bayar / kredit berdokumen	1 1 1 1 1 1 1 1
		Maks 5m
	Nota : Terima 5 prosedur mengikut urutan sahaja.	

Soalan	Butiran	Markah
3 (b) (ii)	H1 - Prosedur kastam / sekatan perniagaan H2 - Penggunaan bahasa yang berlainan H3 - Timbangan / sukatan berbeza H4 - Masalah pertukaran mata wang H5 - Standard / syarat import H6 - Risiko yang tinggi H7 - Cara pembayaran yang berbeza H8 - Dokumentasi yang rumit H9 - Kesukaran mendapat maklumat	1 1 1 1 1 1 1 1 1 Maks 4m
3 (c) (i)	F1 - X ialah Industri berasaskan sumber H1 - Bahan mentah di kawasan tertentu / bekalan buluh / rotan / tanah liat / hasilkan bakul / labu sayung F2 - Y ialah industri komponen elektrik / elektronik H2 - Hasilkan komponen kecil / suis / papan litar / wayar	1 1 1 1 Jumlah 4m
3 (c) (ii)	F1 - Masalah modal / pembiayaan H1 - Modal kecil / sukar dapat pinjaman bank F2 - Produktiviti / teknologi rendah H2 - Kurang buruh mahir / pendidikan rendah F3 - Kekurangan bahan mentah H3 - Bergantung bahan mentah tempatan / import F4 - Masalah pemasaran H4 - Pasaran domestik kecil / terhad F5 - Masalah pengurusan H5 - Tidak cekap / kurang inovasi F6 - Masalah lokasi H6 - Tidak sesuai / kurang strategik / contoh	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 Maks 6m

Soalan	Butiran	Markah
4 (a)	Prosedur menuntut ganti rugi H1 – Membuat laporan kepada pihak polis/pihak berkuasa H2 – Maklumkan kejadian kepada insurer/syarikat insurans H3 – Mendapatkan borang tuntutan daripada insurer/ejen insurans H4 – Isi borang tuntutan dengan lengkap/ betul H5 – Kembalikan borang tuntutan/ laporan polis/salinan polisi insurans kepada insurer H6 – Insurer menjalankan siasatan/memastikan jumlah tuntutan adalah jumlah sebenar H7 – Insurer membayar ganti rugi/insured mendapat pampasan	1 1 1 1 1 1 1 1 Maks 6 m
(b)	Kelebihan pengangkutan jalan raya F1 – Serahan dari pintu ke pintu H1 – Dapat kurangkan risiko kerosakan/ kehilangan F2 – Cepat untuk jarak dekat H1 – Jimat masa angkut barang/ kenderaan boleh bergerak bila-bila masa F3 – Murah untuk jarak dekat H3 – Jimat kos petrol/ pekerja/ tambang F4 – Mudah didapati/ digunakan H4 – Jalanraya meliputi kawasan bandar / pendalaman F5 – Fleksibel arah perjalanan/jadual H5 – Tidak terikat dengan jadual perjalanan	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 Maks 6 m

Soalan	Butiran	Markah
(c) (i)	Frangki H1 - kemudahan kepada pelanggan yang kerap mengepos mel H2 - jimat masa H3 - pelanggan tidak perlu melekatkan setem H4 - pelanggan hanya perlu membuka akaun dengan Pos Malaysia Berhad/ cagarang	1 1 1 1 Maks 3 m
(ii)	Internet H1 - cara komunikasi yang moden/ cepat/ cekap H2 - liputan meluas/dalam dan luar negara/ seluruh dunia H3 - maklumat diterima boleh dicetak/ akses H4 - dapat bina laman web untuk tujuan promosi H5 - murah H6 - laman web membolehkan pertanyaan /pembayaran online dilakukan	1 1 1 1 1 1 Maks 3 m
(d)	Kelebihan posdaftar H1 – sesuai kirim dokumen penting/ berharga H2 – selamat/ dijamin oleh pihak pos H3 – boleh tuntut ganti rugi	1 1 1 Jumlah 3m
(e)	Kelebihan pos laju H1 - pelbagai kegunaan seperti surat/ dokumen / bungkusan H2 - cepat/ 24 jam H3 - selamat/ penghantaran dijamin H4 - serahan pintu ke pintu H5 - sesuai kegunaan domestik/ antarabangsa H6 - khidmat pungutan dari premis pelanggan	1 1 1 1 1 1 Maks 4m

Soalan	Butiran	Markah
5 (a) (i)	H1 - Aktiviti penyimpanan /pemunggahan/pemecahan pukal H2 - dengan selamat/tidak rosak H3 - Sehingga barang diperlukan di pasaran	1 1 1
		Jumlah
5 (a) (ii)	F1 - Lokasi yang sesuai/strategik H1 - Berdekatan pintu masuk negara/lapangan terbang/stesen keretapi/pelabuhan F2 - Mempunyai ciri keselamatan yang baik H2 - Selamat dari kecurian/ kebakaran/ kerosakan F3 - Kesesuaian gudang dengan barang yang disimpan H3 - Boleh menyimpan barang yang mudah rosak/tidak tahan lama F4 - Pengurusan yang cekap/sistem perekodan yang teratur H4 - Rekod aliran keluar masuk/ aplikasi komputer	1 1 1 1 1 1 1 1
		Mana-mana 3F+ 3H
		Maks
5 (b) (i)	- Iklan memujuk	1
(ii)	H1 - Memberikan maklumat/ penerangan untuk memujuk/mempengaruhi pengguna membeli produk/ ubat gigi Asica H2 - Menonjolkan kelebihan jenama/ produk/ ubat gigi Asica/membersih/ memutihkan gigi H3 - Menggunakan teknik mengubah persepsi pembeli/pengguna produk/ ubat gigi Asica H4 - Menggalakkan pembeli membeli produk/ ubat gigi Asica/mendapat diskaun tambahan	1m 1 1 1
		Jumlah
		4m

Soalan	Butiran	Markah
5 (c)	H1 - Barang dapat dilihat/didengar H2 - Pengguna mudah tertarik untuk membeli barang H3 - Melibatkan klip video/ pelakon iklan H4 - Mengetahui rupa/bentuk barang/ cara penggunaan H5 - Liputan /pasaran luas H6 - Siaran seluruh negara/dunia	1 1 1 1 1 1
		Maks
5 (d) (i)	F1 - SIRIM Berhad/Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (ii) H1 - Mempromosikan/ membuat penyelidikan saintifik industri H2 - Menggalakkan kecekapan/ pembangunan industri H3 - Menggalakkan pemindahan teknologi/ menawarkan khidmat nasihat H4 - Membangunkan piawaian negara/ mempromosikan jaminan piawai/kualiti untuk meningkatkan daya saing H5 - Meninggikan kebajikan/ kesihatan/ keselamatan awam/ industri	1 1m 1 1 1 1 1 1
		Jumlah
		5 m

Soalan	Butiran	Markah
6 (a) (i)	F1 - Koperasi Jumlah	1 1m
6 (a) (ii)	F1 - Kelebihan koperasi ialah Liabiliti terhad F2 - Sokongan anggota/ dijual kepada ahli F3 - Bersifat demokrasi/bersetuju membuat pelaburan F4 - Kewujudannya kekal F5 - Cukai yang rendah/bayaran penubuhan yang minimun F6 - Rebat / harga berpatutan/ faedah lain Maks	1 1 1 1 1 1 3m
6 (b) (i)	Jenis pelaburan ialah F1 - Harta tanah H1 - Bentuk pelaburan berkaitan tanah/premis/bangunan C1 - Membina rumah/ kedai Jumlah	1 1 1 3m
(ii)	Dua bentuk pulangan ialah F1 - Pendapatan semasa H1 - Sewa kedai F2 - Keuntungan modal H4 - Kenaikan harga kedai/ jualan kedai/ perbezaan kos membina dengan harga jualan Jumlah	1 1 1 1 4 m
6 (c) (i)	Bentuk pembiayaan ialah F1 - Pinjaman H1 - Sejumlah wang yang didahulukan kepada pelanggan/ modal besar RM4 juta Jumlah	1 1 2m

Soalan	Butiran	Markah
6 (c) (ii)	<p>Syarat meluluskan pembiayaan pinjaman ialah</p> <p>F1 - Tujuan pinjaman</p> <p>H1 - Bidang pelaburan yang berpotensi menjana keuntungan/ kertas kerja</p> <p>F2 - Kedudukan kewangan/ penyata bank</p> <p>H2 - Mempunyai kemampuan membayar balik pinjaman</p> <p>F3 - Nilai aset yang dicagarkan</p> <p>H3 - Nilainya lebih tinggi daripada amaun pinjaman/ geran tanah</p> <p>F4 - Dasar Bank Pusat/ Negara</p> <p>H4 - Menetapkan sektor yang harus diutamakan/ kelulusan projek perumahan oleh pihak berkuasa</p>	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 Maks 6m
6 (d)	<p>Tanggungjawab pemilik projek perumahan kepada pembeli rumah</p> <p>F1 - Mempraktikkan amalan perniagaan yang baik</p> <p>H1 - Membina rumah yang berkualiti/ mempunyai saiz yang tepat/ mengikut peraturan/ mematuhi undang-undang/ Akta Sewa Beli 1967</p> <p>F2 - Bersedia menerima rungutan/ mengambil tindakan pembetulan</p> <p>H2 - Bersedia membaiki jalan raya yang rosak/ tangki kumbahan najis</p> <p>F3 - Memelihara kebersihan/ menjamin keselamatan alam sekitar</p> <p>H3 - Lanskap yang menarik</p> <p>F4 - Menjalankan tanggungjawab sosial</p> <p>H4 - Membina taman permainan kanak-kanak/ laluan riadah/ dewan/ surau</p>	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 Maks 6m

PERATURAN PERMARKAHAN TAMAT